

'Jangan salahkan bomba sahaja'

Putrajaya: "Jangan salahkan bomba sahaja. Ini tidak adil kerana keselamatan kediaman adalah tanggungjawab pengurusan dan pemilik," kata Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Noor Ibrahim.

Mengulas isu bangunan kediaman bertingkat di Lembah Klang yang diibarat bom jangka Grenfell Tower Malaysia, beliau berkata, struktur bangunan lama di luar negara adalah berbeza berbanding bangunan di negara ini.

"Bangunan di London memiliki tangga di tengah bangunan, sebaliknya bangunan lama negara ini

memiliki tangga di kiri kanan serta hujung bangunan yang menyebabkan risiko keselamatan berbeza.

"Pihak pengurusan bangunan lama sentiasa dinasihatkan supaya menambah tangga bagi memastikan tahap keselamatan ditingkatkan jika berlaku situasi kecemasan.

"Orang ramai perlu faham ketika sijil layak menduduki (CF) bangunan dikeluarkan, semua selamat dihuni tetapi selepas 20 tahun menghuni, jawatankuasa atau pengurusan kediaman perlu bertanggungjawab melaporkan atau memperbaiki sebarang kerosakan," katanya pada sidang media selepas Pengur-

niaan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), di sini.

Kemampuan JBPM terhad

Dalam pada itu, Mohd Noor berkata, dengan jumlah keanggotaan serta skop tugas, kemampuan JBPM untuk memeriksa lebih 200,000 premis bangunan setahun, adalah mustahil.

"Ketika ini, JBPM hanya mampu memeriksa 15,000 premis bangunan setahun dan mengambil masa 10 tahun untuk mengulangi pemeriksaan di premis sama.

"Bagi setiap kesalahan, satu notis

dikeluarkan dan ada yang memerlukan tempoh munasabah untuk memperbaiki bangunan sebelum tindakan diambil. Ini kerana ada yang perlu melantik kontraktor serta cukup wang untuk menyelesaikannya.

"Bagaimanapun kegagalan pemilik bangunan mengambil tindakan akan menyebabkan mereka boleh didakwa.

"Tahun lalu, sebanyak 250 kes selesai dibicara dan ada dikenakan denda RM500,000 manakala tahun ini, sebanyak 119 kes selesai dengan denda sebanyak RM218,000," katanya.



Pihak pengurusan bangunan lama sentiasa dinasihatkan supaya menambah tangga bagi memastikan tahap keselamatan ditingkatkan jika berlaku situasi kecemasan"

Wan Mohd Noor Ibrahim,
Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat